

Jenis Akhbar : Kosmo  
Tarikh : 11/10/2023  
Edisi / Muka Surat : Nasional /14  
Tajuk : Koperasi sekolah raih RM500 juta

Angkasa letak sasaran, lebih dua juta ahli mampu lonjak perolehan tahun depan

## Koperasi sekolah raih RM500 juta

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD

**BENTONG** - Sebanyak 2,481 buah koperasi sekolah di seluruh negara disasar menyumbang RM500 juta kepada perolehan gerakan koperasi pada tahun hadapan.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, dengan keanggotaan seramai lebih dua juta ahli, perolehan koperasi sekolah mampu dilonjakkan.

"Selain ahli menambah syer Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) perlu mengambil peranan lebih aktif membantu koperasi sekolah melonjakkan jualan perniagaan bagi menampung keperluan komuniti.

"Pembabitkan aktif koperasi sekolah secara langsung mendidik generasi muda budaya keusahawanan bagi mencapai status negara keusahawanan



**ABDUL FATTAH** (lapan dari kanan) merasmikan Hari Koperasi dan Keusahawanan Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Sertik, Bentong semalam.

pada 2030," katanya selepas merasmikan Hari Koperasi dan Keusahawanan Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Sertik di sini semalam.

Katanya, sebanyak 21 daripada 2,481 koperasi sekolah berjaya mencatatkan perolehan lebih RM1 juta dalam urus niaga membabitkan komuniti dan keperluan asas harian.

Kata beliau, antara faktor kejayaan ini didorong sokongan pelbagai pihak termasuk kepimpinan anggota koperasi yang sentiasa mencurahkan idea baharu dalam pembangunan koperasi sekolah.

"Angkasa terus komited membantu dan menyokong supaya sasaran sekurang-kurangnya 50 koperasi sekolah mencapai perolehan RM1 juta menjelang 2030 yang mana pada tahun ini enam lagi koperasi sekolah dijangka mencapai perolehan RM1 juta," ujarnya.